

MINIT MESYUARAT PANITIA BAHASA MELAYU KALI PERTAMA 2017

TARIKH: 12 JANUARI 2017

MASA: 2.00 PETANG

TEMPAT: BILIK GERAKAN,

KEHADIRAN:

AGENDA MESYUARAT:

1. UCAPAN GURU BESAR S
2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT LALU
3. ISU-ISU BERBANGKIT
4. UCAPAN PENERUSI
5. LINUS
6. PEMULIHAN
7. HAL-HAL LAIN

1. UCAPAN GURU BESAR

- 1.1 Guru besar mengucapkan terima kasih kepada semua guru yang dapat hadir ke mesyuarat panitia bahasa melayu kali pertama untuk tahun 2017.
- 1.2 Mengucapkan syabas dan tahniah diatas segala usaha keras guru untuk meningkatkan pencapaian bahasa melayu pada tahun lalu.
- 1.3 Menekankan mata pelajaran bahasa melayu sebagai mata pelajaran paling penting sebagai tunjang utama mata pelajaran yang lain.
- 1.4 Guru perlu merangka perancangan untuk penambahbaikan tahun lalu.
- 1.5 Harapan guru besar agar guru-guru dapat meningkatkan prestasi subjek bahasa melayu untuk tahun 2017.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT YANG LALU

- 2.1 Pengesahan minit mesyuarat lalu :
- 2.2 Disokong oleh

3. ISU-ISU BERBANGKIT

3.1 Tiada isu berbangkit

4. UCAPAN Pengerusi

4.1 Mengucapkan terima kasih kerana dapat hadir ke mesyuarat kali pertama bagi panitia bahasa melayu tahun 2017.

4.2 Pelantikan ajk panitia bahasa melayu 2017

Pengerusi: k

Setiausaha:

Penyelaras Tahap 1:

Penyelaras Tahap 2:

4.3 Semua guru perlu menyediakan dan melengkapkan rancangan pengajaran harian, dskp dan rancangan pengajaran tahunan. Semua guru diminta menghantar buku rph bersama rpt dan dskp pada hari jumaat 13 januari 2017.

4.4 Penetapan buku tulis

A) Tahap 1 sebanyak 4 biji (kefahaman, penulisan, tatabahasa, tulisan)

B) Tahap 2 sebanyak 3 biji (kefahaman, tatabahasa, penulisan)

4.5 Semakan buku latihan murid

Penetapan 2 kali seminggu untuk menyemak buku latihan dan buku kerja murid. Guru-guru perlu menggunakan penandaan yang telah ditetapkan, serta ruang pembetulan perlu disediakan untuk penambahbaikan murid.

4.6 Pkjr- dijalankan satu masa seminggu (hari khamis atau jumaat)

4.7 Program nilam-

- Guru-guru bahasa melayu perlu membawa murid ke pusat sumber untuk menjalankan program ini. Waktu yang ditetapkan ialah 2 masa(1 jam) seminggu.
- Guru pusat sumber akan menyediakan jadual penggunaan pusat sumber.
- Murid yang tiada buku nilam boleh membeli buku nilam dengan guru pusat sumber dengan harga rm3.
- Guru perlu menerangkan kepada murid-murid cara penggunaan buku nilam tersebut dengan jelas.
- Murid tahap 1 ulasan dalam buku nilam digalakkan menulis lima ayat daripada buku yang dibaca atau membuat ulasan melalui kaedah lukisan.
- Murid tahap 2 membuat ulasan bahan bacaan dengan menulis rumusan atau sinopsis bahan bacaan.

- Anugerah pembaca nilam terbanyak akan diadakan pada setiap bulan bermula mac hingga oktober 2017. Pemilihan pemenang adalah mengikut tahap 1 dan tahap 2.
- Murid-murid dibenarkan menggunakan pusat sumber pada waktu rehat.
- Guru perlu membuat penerangan tentang pelaksanaan nilam kepada semua murid semasa perhimpunan.

4.8 Penetapan buku kerja- bilangan latihan kepada murid minimum 5 latihan seminggu atau mengikut kemampuan murid-murid.

4.9 Penulisan rancangan pengajaran harian-

- Perlu mengikut aras dan tahap kemampuan murid.
- Guru menulis objektif pdp pada papan putih atau kad manila.
- Penulisan refleksi/ impak adalah wajib
- Penulisan refleksi mestilah ditulis dalam bentuk bilangan murid yang menguasai dan tidak menguasai.

4.10 Pencerapan pdp mengikut skpm standard 4- guru digalakkan mendapatkan instrumen skpm dan memenuhi semua item yang telah ditetapkan.

4.11 Program plc 2017- untuk meningkatkan kualiti pdp guru akan diteruskan. Program ini menggalakkan perkongsian idea dan bertukar-tukar pendapat untuk kepentingan guru-guru.

4.12 Penggunaan wang panitia- perlu isi nota minta. Semua pgoram dibawah panitia bahasa melayu perlu menyediakan kertas kerja. Sebarang barang/ keperluan yang perlu dibeli perlu dirujuk kepada guru besar selepas mengisi nota minta.

4.13 Protim 2017- tiada permintaan daripada ppd

4.14 Denda murid-

- Guru besar memberi kebenaran kepada guru-guru untuk mendenda murid kerana denda yang diberikan adalah tindakan guru untuk kebaikan murid-murid.
- Buru besar menyokong penuh dan menyatakan denda sebagai tindakan yang wajar
- Namun, cikgu rosman menekankan agar elakkan murid berdiri di atas kerusi atau meja.
- Guru besar juga menekankan kerja sekolah bahasa melayu adalah wajib disiapkan.

4.15 Papan kenyataan bahasa melayu-

- Cadangan menyediakan sudut bm di bahagian belakang kelas. Topik yang disediakan perlu sentiasa dikemaskini mengikut tema/ bulan.
- Sudut bm di papan kenyataan bersebelahan kantin. Ajk tahap 1 ajk tahap 2 perlu membuat tindakan dan menyediakan bahan-bahan untuk diletakkan pada papan kenyataan tersebut.

4.16 Dasar kpm- semua tindakan guru adalah berdasarkan dasar-dasar kpm. Contohnya nkra, kssr, dskp dan mbmmbi.

- Penyelaras mbmmbi perlu merancang aktiviti bahasa di luar bilik darjah. Digalakkan untuk gbungjalin bersama panitia bahasa inggeris.
- Guru besar mencadangkan sudut mbmmbi diwujudkan.

4.17 Profil akademik-

- Tov sebagai nilai mula (4 kali penilaian setahun)
- Guru mata pelajaran digalakkan membuat ujian dalaman dan perlu rekodkan semua markah dan analisis ujian dalaman murid dalam buku rph.
- Ujian bulanan sebagai satu cara tingkat prestasi murid.
- Guru mata pelajaran dan SUP perlu ambil tindakan untuk menyediakan profil akademik untuk murid tahap 2.

5. PEMBENTANGAN DATA LINUS

5.1 Kedudukan linus 2016

5.2 Murid-murid yang masih tidak menguasai akan mengikuti programh. Program akan bermula pada pukul 11.40 pagi hingga 12.40 tengahari. Untuk tahun 2016, seramai 4 orang murid telah mengikuti program ini dan telah menunjukkan peningkatan.

6. PEMULIHAN

6.1 Pemulihan khas berdasarkan murid yang gagal saringan k1-k2.

6.2 Namun bermula 2016, semua murid yang gagal k1-k2 dan k3-k8 perlu mengikuti kelas pemulihan.

6.3 Murid tahun 1, mereka akan mengikuti kelas pemulihan selepas 6 bulan mengikuti pdp aliran perdana.

6.4 Murid tahun 4, jika masih gagal ujian juga perlu mengikuti kelas pemulihan.

6.5 Tahun 5 dan tahun 6, kemasukan ke kelas pemulihan adalah mengikut saranan guru mata pelajaran masing-masing.

6.6 Data tahun 2016 (tahun 1- 15 orang, tahun 2-11 orang dan tahun 3-4 orang)

7. HAL-HAL LAIN

7.1 Pembentangan keputusan upsr untuk subjek bahasa melayu (rujuk lampiran)

7.2 Harapan guru besar- agar semua guru dapat menjalankan tugas dengan penuh amanah, dan beliau akan memberikan sepenuh sokongan kepada semua guru.

7.3 Harapan pengerusi- semua cikgu dapat berkongsi pendapat dan masalah bersama-sama secara tidak langsung dapat meningkatkan peratus upsr 2017 dan kekal cemerlang.

Mesyuarat ditangguh pada pukul 3.30 petang.

DISEDIAKAN OLEH,

DISEMAK OLEH,

.....

.....

SETIAUSAHA PANITIA BAHASA MELAYU

PENGERUSI PANITIA BAHASA MELAYU